



15.11.2019

## KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif ,  
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

## ULU MUDA: 74.3% HUTAN YANG “DIWARTAKAN” TIDAK DILINDUNGI SEBAIK-BAIKNYA

- **106.418 hektar hutan hujan di Ulu Muda telah diwartakan sebagai “hutan simpan kekal”. Walau bagaimanapun, hanya 15.3% telah diklasifikasikan sebagai “hutan tadahan air” manakala 10.4% telah diklasifikasikan sebagai “taman hutan negeri”.**

PULAU PINANG, Jumaat , 15.11.2019: Ulu Muda adalah kawasan tadahan air yang paling penting di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Walau bagaimanapun, menurut pendedahan baru-baru ini, hanya 15.3% daripada hutan hujannya telah diwartakan sebagai “hutan tadahan air” di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984).

Pada 4.11.2019, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Ahli Parlimen Tanjung YAB Tuan Chow Kon Yeow mengajukan soalan di Parlimen sekiranya Ulu Muda telah diwartakan sepenuhnya, memandangkan kepentingannya untuk bekalan air bagi NCER.

Dalam jawapannya pada hari yang sama, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kedah telah mewartakan 106,418 hektar (ha) hutan Ulu Muda sebagai “hutan simpan kekal” atau HSK sejak 24.9.1932.

KATS juga menyatakan bahawa pada 10.5.2018, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah mengklasifikasi 16,299 ha daripada HSK (15.3% daripada 106,418 ha) sebagai “hutan tadahan air” dan 11,118 hektar (10.4% daripada 106,418 ha) sebagai “taman hutan negeri”.

Bagaimanapun, klasifikasi selebihnya, 79,001 ha (74.3% daripada 106,418 ha) hutan hujan di Ulu Muda tidak didedahkan.

Jawapan Parlimen 4.11.2019 menimbulkan kebimbangan yang berikut:

1. Kedah dilaporkan mewartakan hutan Ulu Muda sebagai HSK sejak tahun 1932. Walau bagaimanapun, pewartaan ini tidak menghentikan pembalakan di Ulu Muda sehingga tahun 2018.

Harus diingat bahawa Seksyen 10(1)(a) APN 1984 membenarkan klasifikasi HSK sebagai “hutan pengeluaran balak di bawah hasil yang mampan”.

Pada 4.9.2018, KATS secara terbuka mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah kerana mengharamkan pembalakan di Ulu Muda. Bagaimanapun, pada 21.4.2019, The Star menerbitkan satu laporan khas yang menunjukkan 700 ha hutan hujan telah digondol di Bukit Keramat, mendedahkan bukit kosong berhampiran Empangan Ahning.

Ia jelas, hutan yang diwartakan sebagai HSK di bawah APN 1984 tidak melindungi kawasan tadahan air daripada pembalakan, kecuali kawasan-kawasan ini secara khusus diklasifikasikan sebagai “hutan tadahan air”.

2. Menurut laman web Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Empangan Muda mempunyai “kawasan tadahan besar seluas 984 km persegi”. Ini adalah spesifikasi kejuruteraan empangan.

984 km persegi bersamaan dengan 98,400 ha. Oleh itu, tidak masuk akal untuk mengklasifikasikan hanya 16,299 ha di Ulu Muda sebagai “hutan tadahan air”.

3. Menurut laman web rasmi WWF-Malaysia: “Hutan Ulu Muda seluas 160,000 hektar di Negeri Kedah, dengan fungsinya sebagai kawasan tadahan air untuk empangan Muda, Pedu dan Ahning, menyediakan perkhidmatan alam sekitar yang tidak ternilai di utara Semenanjung Malaysia.”

*Friends of Ulu Muda II* (FoUM II), gabungan 19 NGO juga memetik “160,000 ha” ini.

Kepada WWF-Malaysia dan FoUM II, “Ulu Muda” merujuk kepada “Kompleks Hutan Ulu Muda”, yang merangkumi 160,000 hektar hutan hujan; dan bukannya 106,418 hektar hutan yang diwartakan oleh Kedah sebagai HSK pada tahun 1932.

Lebih-lebih lagi, Empangan Muda dan Pedu telah ditaliahkan pada tahun 1969. Empangan Ahning telah ditaliahkan pada tahun 1989. Oleh itu, kawasan tадahan air untuk ketiga-tiga empangan ini telah ditentukan selepas 1932.

4. 160,000 hektar hutan hujan di Ulu Muda “menadah” 70% air mentah Perlis, 96% air mentah Kedah dan lebih daripada 80% air mentah Pulau Pinang.

Sebarang pengurangan dalam “saiz Ulu Muda” tentu akan memberi kesan kepada jumlah air mentah ke Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

5. Ancaman terhadap Ulu Muda adalah ancaman kepada NCER kerana ia akan menjaskankan bekalan air di 3 negeri NCER.

Kira-kira 4.2 juta rakyat Malaysia tinggal di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Pada tahun 2018, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang menyumbang sejumlah RM150 bilion dalam sumbangan KDNK (mengikut anggaran yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia).

6. Kedah perlu diberi pampasan seadil-adilnya sebagai penjaga “kawasan tадahan air NCER” agar Ulu Muda dapat dipelihara secara mampan. Tanpa pampasan yang adil, Kedah akan terus terdorong untuk membuka Ulu Muda untuk eksloitasi bagi keuntungan ekonomi.

7. Komitmen yang tulus untuk “Selamatkan Ulu Muda” mesti disokong oleh undang-undang yang ketat yang jelas menyatakan termasuk perundangan, syarat dan tempoh masa.

Pengumuman pada 4.9.2018, menyatakan bahawa “pembalakan diharamkan di Ulu Muda”, adalah dialu-alukan. Bagaimanapun, jika ia tidak diikat secara perundangan, ia tidak akan bertahan lama.



Kenyataannya, Ulu Muda masih belum selamat. Kerajaan Persekutuan harus mempertimbangkan fakta dan angka yang betul sebelum membuat keputusan yang baik untuk memelihara dan melindungi Ulu Muda dengan betul dan mampan, sebagai “kawasan tадahan air NCER”.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)